



ARTIKEL KHAS

SENJATA RASMI PSSCM PARANG LADING

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ

PERSATUAN SENJATA
CEKAK MALAYSIA



WACANA ATMA: PERSENJATAAN MELAYU – SENI, BUDAYA & WARISAN, 3 SEPTEMBER 2018

PARANG LADING: SENJATA RASMI SENI SILAT CEKAK MALAYSIA

Abdul Majid Ismail^{1,2}; Mohd Azuwan Maoinser^{1,3} & Sazali Hj Samsudin¹

^{1,2}Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia; Tenaga Pengajar Kokurikulum Seni Silat Cekak Malaysia, Universiti Sains Malaysia (USM)

^{1,3} Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia; Jabatan Kejuruteraan Petroleum, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Teknologi PETRONAS (UTP)

¹Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia

^{1,2}abmajid@usm.my, ^{1,3}mazuwan.maoinser@utp.edu.my, ¹admiral.syahbandar@gmail.com

Abstrak

Senjata berperanan sebagai pelengkap diri seseorang pengamal silat sama ada untuk mempertahankan diri atau menyerang. Orang Melayu dengan kebijaksanaannya telah mencipta pelbagai jenis senjata iringan untuk pertempuran jarak dekat dan sebahagiannya boleh disorokkan pula daripada penglihatan musuh. Salah satu senjata jenis ini ialah “parang lading” Seni Silat Cekak Malaysia, iaitu satu-satunya senjata Asli Melayu yang khas digunakan untuk mempertahankan diri, bukan untuk menyerang. Ia dipegang dan disorokkan di belakang lengan

sebagai satu strategi pertahanan diri. Cara ini amat sesuai dengan sistem pertahanan diri Silat Cekak yang 99% kandungan pelajarannya berbentuk menunggu serangan. Kini telah timbul kekeliruan dan percanggahan kepentingan berpunca pada manipulasi fakta sejarah, hak pemilikan eksklusif dan harta intelek parang lading oleh kumpulan yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, objektif utama makalah ini ialah untuk merungkai dan mengemukakan fakta sebenar dan membuktikan kesahihan sejarah, reka bentuk, pembuatan, pemilikan sebenar parang lading dan harta intelek berdasarkan rekod dan catatan rasmi bertulis dan tidak bertulis PSSCM. Kajian dilakukan dengan meneliti rekod, kronologi peristiwa yang berkaitan, analisis silang, catatan dalam dokumen-dokumen rasmi yang bercetak, temubual dan perakuan daripada pemimpin tertinggi PSSCM. Hasil penelitian dan analisis telah membuktikan dengan jelas bahawa parang lading ini ialah senjata rasmi Seni Silat Cekak Malaysia, ia milik eksklusif Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, tiada percanggahan dalam rekod sejarah awal pra penubuhan PSSCM, selepas penubuhan, sehingga kini.

Kata kunci: *Parang Lading, senjata rasmi, mempertahankan diri, harta intelek, milik eksklusif PSSCM.*

1.0 Pendahuluan

Silat ialah gerak bela diri bangsa Melayu (Abdul Majid, 2016; Anuar, 1992; Hanafi, 1973). Ilmu warisan bangsa ini kini telah berkembang subur di seluruh Nusantara (Anuar, 1992). Silat juga dikenali sebagai ilmu perang bangsa Melayu yang telah menjadi amalan dan pegangan para panglima dan pendekar untuk mempertahankan agama, bangsa dan negara suatu ketika dahulu (Baharom, 2006). Catatan sejarah telah

membuktikan bahawa silat sebagai ilmu perang telah digunakan untuk bertempur sama ada pada jarak jauh atau dekat, dengan tangan kosong atau bersenjata, seorang melawan seorang atau seorang melawan musuh yang ramai (Abdul Majid, 2016). Oleh itu, kepada pengamal silat, senjata merupakan pelengkap diri yang boleh digunakan untuk membantu dalam mempertahankan diri atau menyerang. Hal ini membawa maksud sekiranya ada senjata di tangan, ia memudahkan atau memberikan kelebihan kepada pemiliknya dalam satu-satu pertempuran atau pertarungan (Abdul Majid, 2016). Namun perlu diingat bahawa senjata tidak semestinya sentiasa bersama pemiliknya atau tidak menjadi sebahagian daripada anggota badan sepanjang masa. Maka pertempuran boleh terjadi ketika senjata tiada di tangan dan berhadapan pula dengan musuh yang lengkap bersenjata. Dalam keadaan ini pengamal silat telah dilatih untuk bertarung dengan tangan kosong dan menggunakan kelengkapan lain yang ada pada badan seumpama kain ikat kepala, kain ikat pinggang sebagai senjata untuk menewaskan musuh (Lt Kol (B) Zam Zam, 1990). Dengan kebijaksanaan, selain keris, orang Melayu dahulu telah mencipta berbagai jenis senjata iringan yang boleh digunakan untuk mempertahankan diri dan menyerang dalam pelbagai keadaan termasuklah pada jarak yang terlalu dekat dan malahan sebahagian dari senjata ini boleh pula disorokkan daripada penglihatan musuh seperti kerambit dan lawi ayam. Terdapat juga senjata orang Melayu yang dipegang dan disorokkan di belakang lengan sebagai satu strategi pertahanan diri seperti parang lading. Dalam kertas kerja ini hanya parang lading akan dikupas secara mendalam kerana ia merupakan senjata rasmi Seni Silat Cekak Malaysia yang khusus untuk mempertahankan diri sahaja (Perlembagaan PSSCM, 1974).

2.0 Sejarah Ringkas Persenjataan Melayu dan Parang Lading Pra Penubuhan PSSCM

Masyarakat Melayu lama begitu terkenal dengan kemahiran membuat senjata. Mereka dikenali sebagai “pandai besi” iaitu tukang yang dikhaskan untuk tukang besi atau pembuat keris. Perkara ini dapat dibuktikan apabila negeri Kedah (Kallah dalam bahasa Arab) yang didiami oleh orang Melayu merupakan sebuah negeri yang mempunyai sebuah kubu iaitu “pedang India tulen” ditempa (Braddell et al., 1980). Tambahan pula, senjata mempunyai tempat istimewa dalam budaya dan tamadun Melayu di Malaysia kerana ia dicipta untuk mempertahankan diri, digunakan semasa peperangan dan mencerminkan tahap tamadun bangsa Melayu pada waktu itu (Yazid & Othman, 2012). Selain itu, keistimewaan senjata dalam budaya dan tamadun Melayu dapat dilihat apabila ia digambarkan dalam pertuturan sehari-hari melalui peribahasa Melayu yang berbunyi “*kalau tak bermeriam baiklah diam, kalau tak berlela baik bereda-reda, kalau tak bersenapang baik bagi jalan lapang*” yang menasihatkan masyarakat supaya bersedia menghadapi cabaran atau mencari jalan mengelakkan diri daripada bersengketa atau berperang yang boleh menyebabkan pertumpahan darah (Mubin Sheppard, 1992).

Yazid dan Othman telah menyenaraikan perkaitan antara senjata dengan kebudayaan dan tamadun Melayu. Antara perkaitan yang disenaraikan adalah senjata dan status sosial, senjata dan budaya, senjata sebagai alat iringan, senjata sebagai menjatuhkan hukum dan lain-lain peranan (Yazid & Othman, 2012). “Lading” dalam alam Melayu bukan sesuatu yang baharu (Ku Ahmad, 1978). Lading juga pernah dijadikan sebagai kelengkapan diri Hang Mahmud (ayahanda Hang Tuah) ketika beliau


merantau ke Bentan (Hashim, 2015). Di negeri Kedah misalnya, terdapat satu spesies senjata yang pernah digunakan untuk menghukum pesalah dinamakan sebagai ‘lading hukum’¹. Lading ini bersaiz besar dan digunakan pihak istana untuk memenggal leher mereka yang menderhaka kepada raja yang memerintah (Y. Mat dan O. Yatim, 2012). Artifak lading juga telah ditemui berada di dalam simpanan En. Shaari². En. Shaari memaklumkan bahawa lading tersebut merupakan milik ayah beliau (Allahyarham Ariffin bin Salleh) yang diwarisi daripada datuknya iaitu Tok Salleh yang merupakan seorang pengawal istana pada Zaman Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1881 – 1943) (S. Samsudin et al., 2015).

Penggunaan lading di istana ini juga dipercayai bermula pada zaman Sultan Ahmad Tajudin II (1804-1845) oleh Panglima Kanan kerajaan negeri Kedah³. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh S. Samsudin et al. (2015), adalah dipercayai bahawa penggunaan lading ini masih diteruskan oleh panglima Tok Rashid Bin Awang Lahat⁴ apabila beliau didapati hidup di zaman Tok Salleh (Rajah 1). Almarhum Ustaz Hj Hanafi Bin Hj Ahmad (Pengasas

Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) yang menyimpan rahsia Parang Lading dan silat ini telah mengistiharkannya sebagai Senjata Rasmi Seni Silat Cekak Malaysia pada Perayaan 10 tahun PSSCM seperti yang termaktub dalam semua rekod bertulis milik PSSCM dan Buku-Buku Perlembagaan PSSCM bermula tahun 1975. Bermula tarikh ini parang lading telah dijadikan sebagai senjata anugerah tertinggi Guru Utama SSCM kepada ahi-ahli yang berjasa, pemilik Sijil Menegah Anugerah. Tradisi ini diteruskan pula oleh Almarhum Ustaz Haji Ishak Bin Itam Guru Utama ke-2 PSSCM dan kini oleh Datuk Hj Maideen Bin Kadir Shah (Guru Utama ke-3 PSSCM).

3.0 Bukti-bukti Parang Lading dan Kaitannya dengan Seni Silat Cekak Malaysia dalam Rekod Rasmi Bahan-Bahan Bercetak dan Tidak Bercetak

Catatan rasmi paling awal tentang “parang lading” sebagai senjata rasmi Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) termuat dalam Majalah “Suara Cekak



Rajah 1: Silang masa antara Tok Salleh dan Panglima Tok Rashid Awang Lahat (Samsudin et al., 2015)

¹Artifak spesies lading hukum ini ada dalam simpanan Othman Bin Yatim.

²Temubual bersama En. Shaari didalam “Kajian Parang Lading – Dokumentasi Penemuan Parang Lading Zaman Pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Szali Samsudin, Mohd Irhan Ishak, Mohamad Taufiq A. Aziz, Muhammad Awis Adha Jasri, (2015)

³http://www.memorikedah.com/page_pengenalan.php?pageNum_Recordset1=21&totalRows_

⁴Salasilah Guru Silat Cekak selepas Panglima Ismail; www.silatcekak.org



2a: Majalah Suara Cekak, Bil. 1, 1975, KDN 9130.



2b: Bukti Almarhum Ustaz Hanafi adalah Pengasas PSSCM



2c: Perbezaan Parang Lading Silat Cekak & Kelewang.

Rajah 2: Majalah Rasmi keluaran awal PSSCM yang merekod dan menjelaskan kedudukan Parang Lading sebagai senjata rasmi PSSCM.

bilangan 1” halaman 23 hingga 25 yang diterbitkan sendiri oleh PSSCM pada tahun 1975 (Rajah 2). Majalah ini merupakan dokumen rasmi Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia yang didaftarkan dengan nombor ISBN “KDN 9130” dan diterbitkan bersempena dengan Perayaan 10 tahun PSSCM. Dokumen ini juga merupakan salah satu bukti sahih yang merekodkan bahawa YM Almarhum Ustaz Hanafi Hj.Ahmad ialah pengasas PSSCM di samping mempamerkan juga semua barisan ahli jawatankuasa pusat pada waktu tersebut (Rajah 2b). Bahan rasmi bercetak ini juga menjelaskan konsep-konsep, hujah, istilah dan peristiwa-peristiwa penting termasuklah penjelasan tentang berdiri lurus, makna Silat Cekak Silat Papan Sekeping dan Parang Lading sebagai senjata rasminya (Rajah 2c). Berikutnya, terdapat sebuah catatan tentang pengertian

Parang Lading pada lambang rasmi PSSCM, ukuran dan dimensi serta rupa bentuknya yang termuat dalam Lampiran G dalam kajian Ilmiah yang ditulis oleh Halimah Hj Ahmad (1978), sama seperti yang dijelaskan dalam Perlembagaan awal PSSCM tanpa sebarang ulasan tambahan (Halimah, 1978). Di dalam Buku keluaran khas Silat Cekak dalam Suku Abad (Perayaan 25 tahun) pula, penjelasan tentang parang lading pada lambang rasmi PSSCM dan rupa bentuk lambang ini terdapat pada halaman 7 (PSSCM, 1990). Dalam buku ini juga tertera huraian dan ukuran parang lading secara grafik, peristiwa penyerahan parang lading SSCM oleh YM Guru Utama Almarhum Ustaz Hanafi kepada Ketua Pengarah Muzium Negara serta beberapa contoh bergambar demonstrasi menggunakan parang lading pada halaman 188 hingga 190 (PSSCM, 1990). Satu lagi bukti penjelasan bertulis

dan dalam bentuk grafik tentang Parang lading termuat pada halaman 10 majalah rasmi “Panglima” PSSCMUSM keluaran tahun 1998 (PSSCMUSM, 1998). Dalam buku keluaran khas Jubli Emas PSSCM (1965-2015), halaman 5, 6 dan 7 termuat dan terpapar dengan jelas lambang rasmi yang mengandungi grafik dan maksud parang lading sebagai senjata rasmi, rupa bentuk lambang atau logo SSCM yang pernah diguna pakai dan penjelasan berkenaan dengan parang lading sebagai senjata rasminya.


Parang Lading sebagai senjata rasmi Seni Silat Cekak Malaysia secara khusus termuat dalam lambang rasmi PSSCM secara grafik, iaitu dua (bilah) parang lading bersilang dan dalam kedudukan timbal balik membentuk sebuah rehal yang menempatkan Kitabullah “Al Quran” di atasnya (Rajah 3b & 3c). Percantuman dua bilah parang lading dan tulisan Cekak di bahagian bawah logo pula membentuk huruf “lam alif”. Kedudukan dan maksud Parang Lading dalam lambang PSSCM telah dinyatakan dengan jelas menerusi buku-buku perlembagaannya yang telah diterbitkan dan dicetak berulang kali bagi memuatkan pindaan-pindaan baharu selepas setiap kali adanya pindaan yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) (Rajah 4). Buku Perlembagaan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (1974) (PSSCM) paling awal (1) (*tiada catatan tahun diterbitkan, cetakan Medan Press, Alor Star*)⁵, pada halaman 3 Peraturan 4: Bendera dan Lambang; Bahagian 3: Simbol dan Pengertiannya; Sub-bahagian b: menyatakan bahawa:

“Parang lading dua bilah yang bererti senjata rasmi Silat Cekak yang merupakan senjata Asli Melayu yang khas digunakan untuk mempertahankan diri”.

⁵ Buku milik dan simpanan Ar.Dr.Abdul Majid Ismail, Naib Presiden 1 PSSCM yang telah belajar silat ini pada sidang akademik 1975/76, kelas A, PSSCMUSM, di USM Kampus Induk. Beliau mencatatkan dalam buku ini, bahawa tahun pemilikannya ialah 1975 dan telah disahkan bahawa buku ini telah dicetak pada tahun 1974 oleh YM Datuk Hj Maideen Kadir Shah (Guru Utama & Presiden PSSCM) pada 26 Ogos 2018 di Kula Lumpur.



3a: Lambang yang pernah digunakan oleh Silat Cekak sebelum perlembagaan Rasmi PSSCM diluluskan



3b: Lambang Rasmi PSSCM daripada buku perlembagaan awal



3c: Lambang Rasmi PSSCM daripada buku perlembagaan terkini

Rajah 3: Tiada logo parang lading pada lambang persatuan sebelum buku perlembagaan diluluskan dan penggunaan dua bilah parang lading pada lambang rasmi PSSCM dalam Buku Perlembagaan PSSCM 1975 hingga 2017.

Silat Cekak pada awalnya didaftarkan dengan nama Persatuan Seni Silat Cekak Kedah Malaysia dan telah menggunakan dua jenis lambang mulai 1971 hingga 1975 (Halimah, 1978). Lambang ini kelihatan mudah dan tidak menepati matlamat dan falsafah sebenar SSCM (PSSCM, 1987; PSSCM, 1990; PSSCM, 2015) (Rajah 3a). Oleh yang demikian, PSSCM telah mereka cipta lambang baru yang lebih lengkap dan dimuatkan bersama dalam buku perlembagaan persatuan untuk kelulusan pihak pendaftar pertubuhan (Rajah 3b & 3c).

Lambang yang memuatkan dua bilah parang lading ini walaupun telah mula digunakan oleh PSSCM dan diperkenalkan dalam Perayaan keSepuluh di Dewan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baharu pada tahun 1975, namun lambang ini hanya diluluskan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan pada tahun 1976 (PSSCM, 1987; PSSCM 1990) (Rajah 3b & 3c). Buku Perlembagaan PSSCM terbitan kedua (2) awal (*tiada catatan tahun diterbitkan, cetakan Percetakan Watan Sdn. Bhd.*), didapati masih mengekalkan halaman

sama iaitu 3 Peraturan 4: Bendera dan Lambang; Pecahan 3: Simbol dan Pengertian; Sub-bahagian b: masih tetap mengekalkan frasa yang sama berkenaan dengan kedudukan dan maksud parang lading yang termuat dalam lambang rasmi PSSCM.

Dalam Buku Perlembagaan PSSCM ketiga (3) (*cetakan Jun 1997, oleh Syarikat Percetakan Indrapura Sdn. Bhd.*), tajuk "Peraturan" telah ditukar menjadi "Fasal". Peruntukan yang sama tentang parang lading tertera pada Fasal 4: Lambang; Pecahan 4.2: Pengertian Lambang Silat Cekak; Sub-bahagian 4.2.2 (Rajah 4). Di dalam Buku Perlembagaan PSSCM keempat (4) (*tiada catatan tahun diterbitkan dan pencetaknya*)⁶ juga masih mengekalkan perkara yang sama tentang kedudukan dan maksud Parang Lading tetapi terdapat penambahan perkataan silat " ...senjata asli **Silat** Melayu..." dan termuat dalam halaman tiga (3) dan empat (4). Di dalam Buku Perlembagaan PSSCM terkini (5) (*Cetakan 2017*)⁷, perkara yang berkaitan dengan parang lading telah dipindahkan dari Fasal ke 4 ke Fasal 23 pada halaman ke tiga puluh tiga (33). Fasal 23: Bendera, Lambang dan Lencana; 23.2 Pengertian Lambang Silat Cekak; 23.2.2, tanpa mengubah frasa asal seperti yang terkandung



Buku Perlembagaan terawal (1)



Ms. 3 Peraturan 4-Bendera & lambang 3 (b)



Buku Perlembagaan kedua (2)



Buku Perlembagaan ketiga (3)



Buku Perlembagaan keempat (4)



Perlembagaan terkini (5)

Rajah 4: Rupa bentuk kulit luar Buku Perlembagaan PSSCM yang merekodkan dan menjelaskan kedudukan serta maksud Parang Lading sebagai senjata rasmi PSSCM.

⁶ Telah disahkan dicetak dan diterbitkan sendiri oleh Jabatan Urusetia PSSCM berdasarkan perakuan oleh En. Mohd Hafiz Jamil, Setia Usaha Agung PSSCM pada 13 Julai 2018 dan diperakukan oleh YM Datuk Hj Maideen Kadir Shah (Guru Utama & Presiden PSSCM ke 3) pada 26 Ogos 2018 di Kuala Lumpur.

⁷ Buku Perlembagaan 2017 ini diterbitkan dan dicetak sendiri oleh Jabatan Undang Undang PSSCM berdasarkan pengesahan oleh En. Mohd Hafiz Jamil, Setia Usaha Agung PSSCM pada 13 Julai 2018.

BIL.	DOKUMEN-DOKUMEN RASMI PSSCM:	KEBERADAANNYA PADA LAMBANG PSSCM & PENCERITAAN TENTANG PARANG LADING:	MAKSUD & PENJELASAN TENTANG DUA BILAH PARANG LADING PADA LAMBANG PSSCM:
1	Suara Cekak Bil.1 (PSSCM, 1975) (Perayaan 10 tahun PSSCM)	Ada (Ada penceritaan)	<i>“Parang lading dua bilah yang bererti senjata rasmi Silat Cekak yang merupakan senjata Asli Melayu yang khas digunakan untuk mempertahankan diri”.</i>
2	Kajian Ilmiah (Halimah, 1978)	Ada (Ada penceritaan)	“
3	Buku Silat Cekak dalam Suku Abad (25 tahun PSSCM) (PSSCM, 1990)	Ada (Ada penceritaan)	“
4	“Panglima” (PSSCMUSM, 1998)	Ada (Ada penceritaan)	“
5	Buku Jubli Emas PSSCM (1965-2015) (PSSCM, 2015)	Ada (Ada penceritaan)	<i>“Parang lading dua bilah yang bererti senjata rasmi Silat Cekak yang merupakan senjata Asli Orang Melayu yang khas digunakan untuk mempertahankan diri”.</i>
6	Buku Perlembagaan 1 PSSCM (PSSCM, 1974)	Ada	<i>“Parang lading dua bilah yang bererti senjata rasmi Silat Cekak yang merupakan senjata Asli Melayu yang khas digunakan untuk mempertahankan diri”.</i>
7	Buku Perlembagaan 2 PSSCM (PSSCM, 19..)	Ada	“
8	Buku Perlembagaan 3 PSSCM (PSSCM, 1997)	Ada	“
9	Buku Perlembagaan 4 PSSCM (PSSCM, 20..)	Ada	<i>“Parang lading dua bilah yang bererti senjata rasmi Silat Cekak yang merupakan senjata Asli Silat Melayu yang khas digunakan untuk mempertahankan diri”.</i>
10	Buku Perlembagaan 5 PSSCM (PSSCM, 2017)	Ada	“
11	Sesawang Rasmi PSSCM (tarkh lawatan 12 Ogos 2018)	Ada (Ada penceritaan)	<i>“Parang lading dua bilah yang bererti senjata rasmi Silat Cekak yang merupakan senjata Asli Orang Melayu yang khas digunakan untuk mempertahankan diri”.</i>

Jadual 1: Rumusan dan analisis fakta tentang Parang Lading daripada dokumen-dokumen rasmi PSSCM

dalam buku keempat (4) yang menjelaskan perkara ini (Rajah 4).

Di dalam laman sesawang rasmi PSSCM <https://www.silatcekak.org.my/index.php/senjata-rasmi> terdapat penjelasan berkenaan parang lading dalam lambang rasmi dan sebagai senjata rasmi SSCM yang dikaitkan dengan asal usul Silat Cekak dari negeri Kedah, kesesuaian penggunaannya dengan sistem tangkisan, buah dan kunci atau pemakan Silat Cekak serta sedutan bergambar peristiwa penyerahan parang lading oleh wakil PSSCM kepada Ketua Menteri Melaka.

Berdasarkan penjelasan dan senarai dokumen rasmi PSSCM dalam Jadual 1, dapat disimpulkan di sini bahawa **lambang rasmi PSSCM kekal tidak berubah, logo dua bilah parang lading secara grafik juga kekal tidak berubah** sejak PSSCM didaftarkan secara rasmi pada tahun 1975 sehingga kini, 2018. Pengertian parang lading juga kekal tidak berubah kecuali dua penambahan perkataan; “...senjata asli **Silat** Melayu...” (Buku Perlembagaan keempat dan kelima), dan “...senjata asli **orang** Melayu...” (Buku keluaran khas Perayaan 50 tahun) dan dalam laman sesawang rasmi PSSCM. Kedua-dua penambahan (silat & orang) tidak menjejaskan maksud dan pengertian asal frasa ini, tetapi berperanan menguatkan dan memperincikan maksudnya sahaja. Oleh hal yang demikian, frasa asal parang lading sebagai **senjata asli Melayu** terangkum kedua-dua perkataan **silat Melayu** dan **orang Melayu** di dalamnya.

b) Parang lading dua bilah yang bererti senjata rasmi Silat Cekak yang merupakan senjata Asli Melayu yang khas digunakan untuk mempertahankan diri.

(Perlembagaan PSSCM, 1974: ms. 3)



5a: Caletan huruf "alif" yang ditulis dengan kaeadah khat jawi

5b: Parang lading dalam kedudukan tegak

5c: Pengamal SSCM juga berdiri tegak menangkis serangan

Rajah 5: Konsep berdiri tegak semasa "Qiam" menyerupai huruf "Alif" di dalam SSCM dan hubungannya dengan rupa bentuk parang lading

4.0 Asas Kepada Rupa Bentuk Parang Lading Seni Silat Cekak Malaysia

Rupa bentuk parang lading Silat Cekak secara kasar kelihatan amat mudah, sekiranya ia didirikan tegak dengan hulu di atas dan bilahnya menghala ke bawah serta matanya yang tajam ke arah kanan ia seakan-akan satu caletan huruf "Alif" yang ditulis dengan kaedah penulisan khat jawi (Rajah 5a). Namun begitu, sekiranya ia dikaji dengan lebih mendalam dan terperinci, serta diteliti maksud yang tersirat padanya, ia mengandungi falsafah yang begitu seni dan unik. Dalam hal ini, rupa bentuk asasnya menyerupai seseorang pengamal SSCM yang sedang menunggu serangan musuh dengan berdiri tegak dan lurus sapertimana huruf "Alif"⁸ (Rajah 5b). Berdiri alif ialah berdiri tegak atau berdiri betul sama seperti berdirinya orang yang sedang "Qiam" dalam solah (Rajah 5c). Bersiap sedia menunggu serangan dengan cara ini membawa maksud yang amat seni

khususnya dalam konteks hubungan antara makhluk dengan pencipta-Nya. Ia juga menggambarkan konsep penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah iaitu gambaran orang yang tetap pendiriannya, "ada pengangan hati" (beriman, berani tetapi penyabar) (Ariffin et. al., 2016; Abdul Hafiz et. al., 2016).



6a: Parang lading terenggam erat seolah-olah melekat pada lengan pemilik (pegangan tahiyat).




6b: Tangan kanan/kiri membantu mengenggam hulu parang bagi menambah kekuatan asakan tekanan ketika pemakan menghiris sendi/urat.

Rajah 6: Kedudukan parang lading dan lengan pemiliknya

Parang lading merupakan satu-satunya senjata yang hanya sesuai untuk mempertahankan diri bukannya untuk menyerang (Buku Perlembagaan PSSCM, 1975-2017). Pernyataan ini terbukti benar kerana matanya yang tajam begitu pendek (kurang daripada dua inci) dan berada pada hujung bilahnya sahaja. Senjata ini juga didapati amat sesuai dengan kaedah, buah dan pemakan Silat Cekak yang sememangnya 99% untuk mempertahankan diri. Apabila parang lading ini dipakai oleh pemiliknya, keseluruhan bilah dan hulunya seolah-olah memenuhi keperluan "ergonomik" tangan dan lengannya. Hulunya terenggam kemas dan bilahnya seolah-olah melekat pada bawah lengan dengan jari telunjuk memainkan peranan menekan ke bawah hulu lading agar bilah lading kekal rapat dengan lengan (pegangan tahiyat)⁹ (Rajah 6a). Kedudukan seperti ini akan kekal walaupun lading dipindahkan dari tangan kanan ke kiri atau sebaliknya. Untuk memperkemas & memperkuat pegangan pada hulu parang lading ketika menghiris, tangan kiri dapat digunakan untuk membantu pemiliknya mengenggam atau menekan tangan kanan agar hirisan lebih kuat dapat dilakukan dengan padu pada sasaran (Rajah 6b). Kemahiran menggunakan

⁸ Pernyataan disahkan oleh En. Zafri Mohd Miar pada 3 Ogos 2018 di P Pinang (Pembesar dan Ahli Lembaga Pelajaran & Tatatertib (LPT) PSSCM Zon Utara). Beliau belajar silat ini pada tahun 1975/76 di USM Induk dan terus aktif sebagai Tenaga Pengajar & Naib YDP PSSCM P Pinang sehingga kini. Beliau juga pernah memegang jawatan Exco, Bendahari & Naib Presiden 1 PESAKA P Pinang melebihi 20 tahun (1993 – 2017).

⁹ Pernyataan oleh En. Zafri Mohd Miar kepada pengarang pada 3 Ogos 2018 di P Pinang.



7a: Rupa bentuk sebilah parang lading Seni Silat Cekak Malaysia

orang lain kerana ukuran setiap orang berbeza antara satu dengan yang lain. Hulu parang lading diperbuat daripada tanduk kerbau betina atau balau yang dibentuk menyerupai tapak kaki kijang dan bilahnya pula diperbuat daripada besi (keluli) “high carbon steel” yang bersifat keras dan tajam tetapi mudah sumbing¹⁰ (sila rujuk Bahagian 6). Ciri-ciri dan rupa bentuk serta ukuran parang lading Silat Cekak Malaysia adalah seperti yang dijelaskan (Rajah 7):

Dalam usaha memastikan kualiti, spesifikasi ciri-cirinya dan ketepatan ukuran setiap bilah parang lading SSCM itu tepat dan terjaga, hanya Guru Utama atau wakilnya sahaja yang memiliki mandat atau kuasa untuk mengukur, merekod dan menyerahkannya kepada tukang senjata (pembuat senjata) yang berkemampuan dan berkebolehan untuk urusan penempahan dan pembuatan.

5.0 Paten Parang Lading, Harta Intelekt dan Hak Milik Eksklusif PSSCM

Hakikat sebenar yang perlu sama-sama kita fahami ialah sesuatu yang dicipta pasti ada penciptanya. Masalah yang kerap berlaku kini ialah pencipta asal karya atau harta intelek seolah-olah telah terpinggir oleh kerana karyanya telah “diciplak” sewenang-wenangnya tanpa izin. Terdapat juga kumpulan tertentu yang mendakwa sesuatu karya sebagai miliknya dengan cara memanipulasi fakta sejarah secara tidak jujur sehingga berjaya mempengaruhi pendapat umum. Oleh yang demikian, salah laku terhadap hak milik eksklusif, hak

BIL.	PENJELASAN ¹¹ :
a	Jarak panjang dari pangkal hingga ke hujung bilah mata lading diambil daripada ukuran jarak dari lubang telinga kiri melalui arah belakang ke mata kanan atau sebaliknya. Ia membawa maksud “setiap yang terdengar atau terlihat, maka sampailah senjata ini”.
b	Bilah matanya yang tajam sekadar jarak dua mata si pemilik
c	Tebal hujung bilah matanya sekadar lebar perdu kuku jari kelingking pemilik
d	Tebal bahagian atas pangkal bilah matanya selebar perdu kuku ibu jari pemilik
e	Hulu parang lading menyerupai bentuk tapak kijang dan diperbuat daripada tanduk kerbau betina atau balau ¹² .

Rajah 7: Rupa bentuk parang lading SSCM dan ciri-ciri perincian ukurannya

parang lading ini merupakan satu nilai tambah dalam pertarungan jarak dekat dan terlalu dekat (jarak satu penumbuk & satu penyiku). Pertempuran menggunakan parang lading ialah cara mempertahankan diri terakhir yang semata-mata bertujuan untuk menyelamatkan diri daripada sebarang pencerobohan setelah usaha dengan

cara-cara lain telah digunakan. Pemilik parang lading hanya bertindak apabila diserang.

Setiap bilah parang lading berbeza ukurannya kerana ia ditempa berdasarkan ukuran khas setiap pemiliknya. Oleh itu ia tidak boleh diwariskan untuk kegunaan

¹⁰ Pernyataan diperakukan oleh Tn.Hj.Ghazali Abd Rahman (Pembesar PSSCM, Ahli LPT PSSCM & Penasihat PSSCM UUM) pada 2 Ogos 2018 di Kedah. Tn.Hj.Ghazali telah belajar silat ini pada tahun 1973 di Kuala Lumpur dan kekal aktif sehingga kini. Beliau pernah memegang jawatan Bendahari PESAKA untuk beberapa tahun.

¹¹ Penjelasan dan kupasan oleh Tn.Hj.Ghazali Abd Rahman berdasarkan maklumat daripada En Ramli Shafie (belajar Siat Cekak bersama Almarhum Ustaz Hanafi) pada 2 Ogos 2018 dan En.Zafri Mohd Miar pada 3 Ogos 2018 serta disahkan oleh YM Datuk Hj. Maideen Kadir Shah (Guru Utama & Presiden PSSCM) pada 26 Ogos 2018 di Kuala Lumpur.

¹² Tanduk kerbau betina tumpat dan sesuai untuk dijadikan hulu senjata. Tanduk kerbau jantan biasanya lohong (berlubang), sesuai dijadikan tetuang (alat tiupan semboyan orang Melayu). Sifat organik (alami) tanduk (bukan tulang) yang menyerap darah menjadikan pegangan lebih kemas dan kejap di tangan pemakai.

cipta, harta intelek dan penyelewengan fakta sejarah perlu dicegah. Pelaku yang tidak jujur perlu didakwa menerusi saluran undang-undang negara atas kesalahan pelanggaran akta-akta berkaitan. Di Malaysia sebelum tahun 1983, hak-hak harta intelek telah ditadbir oleh Pejabat Cap Dagangan dan Jaminhak. Mulai tahun 1983, pejabat ini kemudiannya telah ditukar namanya menjadi Pejabat Cap Dagangan dan Paten dan telah diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (<https://www.myipo.gov.my/>).

Kementerian ini telah membuat penyusunan semula pada bulan Oktober 1990 dan meletakkan pejabat ini di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang kini dikenali sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah ditukar nama kepada Bahagian Harta Intelek (BHI). Bahagian ini bertanggungjawab mentadbir Akta Paten 1983, Akta Cap Dagangan 1976, dan Akta Hakcipta 1987. Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 telah mula dikuatkuasakan pada 1999, disusuli pada tahun 2000 dengan Akta Susun Atur Litar Bersepadu 2000. Seterusnya pada tahun 2001, Akta Petunjuk Geografi 2000 dikuatkuasakan. Dalam menghadapi perubahan pembangunan harta intelek di peringkat domestik dan global, BHI telah dijadikan sebuah badan berkanun pada 3 Mac 2003 dan dikenali sebagai Perbadanan Harta Intelek Malaysia (PHIM) melalui berkuatkuasanya Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002. Perbadanan telah mengambil langkah penjenamaan semula apabila singkatan PHIM ditukarkan ke MyIPO pada 3 Mac 2005 sempena Pelancaran Hari Harta Intelek Negara yang pertama (<https://www.myipo.gov.my/>).


Paten ialah surat kerajaan yang memberikan hak kepada orang (perusahaan) untuk mengeluarkan barang ciptaannya sendiri untuk beberapa tahun dengan melarang orang lain menirunya (Kamus Dewan, 2010). Ia merupakan hak eksklusif yang dianugerahkan

untuk sesuatu reka cipta, sama ada ia satu produk atau satu proses untuk melakukan sesuatu yang baru atau penyelesaian teknikal terhadap sesuatu masalah. Perbaharuan utiliti ialah hak eksklusif yang diberikan terhadap suatu rekacipta kecil yang tidak memerlukan ujian langkah mereka cipta seperti yang diperlukan untuk mendapatkan paten (<https://www.myipo.gov.my/>).

Dalam konteks “parang lading” dan “Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM)”, telah timbul isu “ciplak dan manipulasi fakta sejarah” selepas berlakunya krisis yang mengakibatkan berlakunya perpecahan pada tahun 1993. Kumpulan bermasalah yang telah tewas dalam perebutan jawatan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) ke 22 pada tahun 1993 telah mengistiharkan MAP ini tidak sah. Menerusi perintah mahkamah Mesyuarat Agung Luar Biasa telah diadakan pada tahun 1994 di KEMANTAH, mereka sekali lagi diistiharkan tewas dalam perebutan jawatan tertinggi PSSCM. Kumpulan ini telah menubuhkan Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi

Malaysia (PSSCUHM) pada 5 Ogos 1994 dan melantik En. Mohd Radhi Hanafi (anak keempat Almarhum Ustaz Hanafi) sebagai Guru Utamanya (<http://illusionistdesign.my/scph/profil/biodata-guru-utama/>). Pada tahun 2007 PSSCUHM pula telah mengalami krisis dalaman dan berpecah menjadi dua, iaitu Persekutuan Seni Silat Cekak Pusaka Ustaz Hanafi Malaysia (PSSCPUHM) dan PSSCUHM (<http://sejarahrealitisilatcekak.blogspot.com/>).

Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) di bawah pimpinan Tn.Hj.Ishak Itam sebagai Guru Utama dan Presiden, digambarkan telah digantikan dengan persatuan yang baharu. Penggunaan nama Al Marhum Ustaz Hanafi juga telah mengelirukan orang awam sehinggakan ada yang beranggapan persatuan yang diasaskan oleh Al Marhum Ustaz Hanafi pada tahun 1971 ialah “Cekak Hanafi” sedangkan fakta sebenar ialah sebaliknya (sila rujuk Bahagian 3). Di samping itu, tanggapan kuat orang Melayu tentang darah keturunan sebagai alasan mewarisi (mempusakai) ilmu silat



Rajah 8: Bukti Hak milik eksklusif menerusi Paten Parang Lading & Lambang Seni Silat Cekak Malaysia

ini telah disuburkan. Sedangkan berdasarkan fakta sejarah, Almarhum Ustaz Hanafi sendiri tidak mewarisi silat ini daripada ayahnya tetapi telah mempelajari dan mewarisi silat ini daripada En. Yahya Said, dan begitulah seterusnya (Hanafi, 1973; Halimah, 1978). Oleh itu, faktor darah keturunan bukan alasan untuk mempusakai ilmu silat ini, sebab fakta sejarah telah membuktikan susur galur silat ini tidak langsung bergantung pada faktor darah keturunan tetapi lebih kepada mandat dan hak.

Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) selama ini secara profesional mengambil pendirian “bertahan” tanpa mengambil kira provokasi dan fitnah-finah yang dilemparkan oleh kumpulan ini kerana berpegang kuat pada didikan yang diterima daripada guru-guru PSSCM. Tn.Hj Ishak Itam melarang keras murid-muridnya berkonfrontasi dengan kata-kata: “Dah depa jadi syaitan, takkan hangpa pun nak ikut sama jadi iblis”¹³. Begitulah sikap seorang guru yang teguh pendirian, berpandangan jauh, berpegang kuat dengan pantang larang, berani tetapi penyabar. Oleh sebab tekanan dan asakan yang keterlaluan, pencemaran dalam fakta sejarah telah mengelirukan masyarakat umum, PSSCM kini terpaksa bertindak tegas dalam menangani isu yang telah berlarutan ini dengan harapan keinsafan kumpulan bermasalah ini terjana suatu masa nanti.

Parang lading yang dirungkaikan ciri-ciri spesifikasi dan rupa bentuknya dalam Bahagian 4 ialah hak milik eksklusif Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia berdasarkan pendaftaran paten dan bukti daripada rekod rasmi secara bertulis keluaran PSSCM dan catatan rasmi dalam buku-buku perlembagaan PSSCM yang memuatkan lambang yang mengandungi logo parang lading serta maksud dan tujuannya. Dua bilah parang lading dalam lambang PSSCM dan penjelasan maksud dan tujuannya kekal konsisten tidak pernah berubah

kecuali sedikit tambahan perkataan “silat dan orang” di dalam semua buku-buku perlembagaan PSSCM mulai daripada 1975 hingga kini (lihat Bahagian 3). Parang Lading Seni Silat Cekak Malaysia ini telah dipatenkan pada 1 Mac 1994 dengan nombor pendaftaran 2037410, rujukan 20422896 di “Great Britain” untuk tempoh dari 1 Mac 1994 sehingga 1 Mac 2019 (PSSCM, 2014; PSSCM, 2017). Begitu juga dengan lambang rasmi PSSCM telah dipatenkan dalam empat bentuk pendaftaran dengan nombor rujukan 93300374, 93300390, 93300416, 93300408 di Malaysia dan nombor pendaftaran 93007610, 93007608, 93007612, 93007611 untuk kelas 16, 26, 18 & 28 pada 28 September 1993 untuk tempoh masa sehingga 28 September 2020 (Rajah 8) (PSSCM, 2014).

Penggunaan parang lading yang menyamai ciri dan rupa bentuk milik PSSCM oleh pertubuhan silat lain telah melanggar hak eksklusif di bawah jaminan Akta Paten 1983. Begitu juga dalam penggunaan sebahagian logo dalam lambang PSSCM serta beberapa terminologi seperti “Silat Cekak Silat Sekeping”. Pihak persatuan kini sedang berurusan menerusi sistem MyIPO agar semua perkara yang berkaitan dengan hak milik eksklusif dan harta intelek ditangani secara profesional berdasarkan akta-akta yang bersangkutan dan kes ciplak terhadap milik asal PSSCM segera diatasi. PSSCM juga akan bertindak menghalang sebarang pertubuhan dan individu menciplak, menggunakannya tanpa izin, serta melarang sebarang penggunaan parang lading, lambang dan bahan lain yang menjadi hak milik eksklusif dan harta intelek PSSCM.



9a. Besi keras dipotong dan dibakar diatas api bersuhu tinggi



9b. Mengetuk besi panas yang berwarna kemerah-merahan



9c. Tanduk kerbau balau yang telah ditandakan dengan bentuk hulu parang lading

Rajah 9: Proses pembuatan parang lading Seni Silat Cekak Malaysia

¹³ Kata-kata Al Marhum Tn.Hj.Ishak Itam kepada Ar. Dr. Abdul Majid pada tahun 1993 yang melarangnya berkonfrontasi dengan kumpulan yang memfitnah Tn. Hj. Ishak dan PSSCM. Pesanan sama juga telah diterima oleh Tn.Hj. Ghazali Abd Rahman daripada Tn.Hj.Ishak Itam pada tahun 1993. Hal ini disahkan sendiri oleh Tn.H. Ghazali Abd Rahman pada 2 Ogos 2018 di Kedah & En. Zafri Mohd Miar pada 3 Ogos 2018 di P Pinang

6.0 Pembuatan Parang Lading

Pada zaman Almarhum Ustaz Hanafi dan Tn Hj. Ishak sebagai Guru Utama PSSCM, untuk menempah parang lading dalam kuantiti yang banyak dan mengikut spesifikasi dan ukuran khas SSCM, memang agak sukar kerana bukan semua tukang senjata mampu untuk memenuhinya. Kini pada zaman Datuk Hj Maiden Kadir Shah, masalah yang sama juga dihadapi tetapi sedikit sebanyak telah dapat diatasi apabila terdapat salah seorang ahli PSSCM ialah seorang tukang besi yang mahir dalam pembuatan senjata (*pandai besi*). Pada 10 Jun 2014, Yang Mulia Datuk Guru Utama PSSCM telah menilai dan berpuas hati dengan kemampuan dan kebolehannya membuat senjata ini dengan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. En. Abdul Malik Bin Abdul Wahab, seorang jurulatih PSSCM negeri Melaka yang juga mahir dalam bidang pertukangan besi akhirnya telah dilantik dengan rasminya menjadi pembuat lading khas untuk PSSCM¹⁴.

Menurut En. Abdul Malik, sebelum kerja-kerja pembuatan parang lading dilakukan beliau memulakan tugasnya dengan berniat dan memohon izin daripada Allah SWT atas nama bakal-bakal pemilik lading. Pembuatan lading dimulakan dengan mengambil wuduk dan kerja bermula sebaik sahaja selepas solat subuh. Proses pembuatan parang (menempa) dimulakan dengan membakar besi asal (berwarna perak) sehingga bertukar menjadi kemerah-merahan (Rajah 9a). Seterusnya besi yang telah dibakar (berwarna kemerah-merahan) ditempa dengan menukunya. Proses ini dilakukan berulang-ulang sehingga bentuk dan ukurannya menghampiri ukuran sebenar seperti yang telah ditetapkan (Rajah 9b). Proses pencanaian menggunakan mata pengasah kasar juga digunakan untuk membantu proses tempaan



10a: Seorang penerima parang lading sedang menerima anugerah Parang Lading daripada YM Datuk Maideen Kadir Shah Guru Utama PSSCM.



10b: Barisan para penerima anugerah parang lading pada Majlis Penganugerahan sempena Sambutan Awal Muharram 1436H dan Hari Tenaga Pengajar pada 25 Oktober 2014 di Dewan Datuk Hj. Maideen.

Rajah 10: Majlis penganugerahan parang lading & penurunan buah

agar menjadi lebih cepat. Setelah proses tempaan dan pencanaian kasar selesai (apabila ukuran lading menghampiri ukuran sebenar), besi akan dibakar semula sehingga berwarna kemerah-merahan dan dimasukkan ke dalam air (menyepuh) untuk memastikan besi yang dihasilkan menjadi kuat. Proses yang terakhir ialah proses pencanaian halus dengan menggunakan mata pengasah halus untuk mendapatkan ukuran sebenar yang telah ditetapkan.

Pemasangan hulu dilakukan setelah pembuatan parang lading siap sepenuhnya termasuklah kesempurnaan mata yang tajam dan bahagian yang tersembunyi dalam hulu iaitu puting. Hulu parang lading dibuat daripada tanduk kerbau betina atau kerbau balau (jantan atau betina) (Rajah 9c). Hulu lading ini dibuat berdasarkan bentuk tapak kijang. Menurut En. Abdul Malik, parang

ini perlu dibuat pada paksi yang betul untuk memastikan ia mudah dipegang oleh pemiliknya dan menjadikannya lebih ringan. Setelah pembuatan parang lading disempurnakan, senjata ini diserahkan kepada YMGU untuk diperiksa kembali agar ia menepati spesifikasi yang telah ditetapkan dan mengikut ukuran peribadi bakal pemilik senjata tersebut.

7.0 Istiadat Penganugerahan Parang Lading dan Penurunan Buah-Buah

Penganugerahan parang lading merupakan kurniaan daripada Guru Utama kepada ahli-ahli dan individu yang berjasa termasuklah ketua-ketua cawangan negeri, tenaga pengajar yang berjasa dan telah berkhidmat

¹⁴ Temubual khas pengarang ke-2 dengan En. Abdul Malik Bin Abdul Wahab pada 24 Julai 2018 di bengkelnya di Melaka. En. Abdul Malik ialah ahli PSSCM yang telah belajar silat ini pada tahun 2000 dan tamat serta memperoleh Sijil Rendah SSCM pada tahun 2001. Beliau merupakan salah seorang "pandai besi" tukang senjata Melayu yang mahir di negeri Melaka.

¹⁵ Pernyataan oleh En. Safaran Ahmad (Naib Presiden 2 & Ketua Persilatan PSSCM, YDP PESAKA Wilayah Persekutuan) pada 16 Ogos 2018. En. Safaran telah belajar silat ini pada tahun 1973 di Kuala Lumpur dan kekal aktif sehingga kini. Pernyataan ini diperakukan oleh YM Datuk Hj. Maideen Kadir Shah Guru Utama & Presiden PSSCM pada 26 Ogos 2018 di Kuala Lumpur

lebih daripada 15 tahun dan ahli-ahli atau individu yang berjasa kepada PSSCM¹⁵. Pengurniaan parang lading ini juga diadakan hanya apabila PSSCM merayakan majlis sambutan ulang tahun kelahirannya secara besar-besaran atau pada Sambutan Awal Muharram dan Hari Tenaga Pengajar (PSSCM 1975; PSSCM, 1990; PSSCM, 2015). Parang lading yang telah sempurna disiapkan berdasarkan kriteria dan spesifikasi ukuran khusus setiap pemilik seperti dijelaskan dalam Bahagian 4 disampaikan dalam majlis khas secara beradab oleh Guru Utama PSSCM di dalam Istiadat Penganugerahan Parang Lading (Rajah 10). Kaedah dan buah-buah pelajaran parang lading diperturunkan oleh Guru Utama sejurus selesai Istiadat Penganugerahan Parang Lading. Seterusnya latihan secara berpasangan dan beramai-ramai dilakukan di bawah pengawasan ahli-ahli LPT dan Guru Utama¹⁶.

Urutan penurunan dan latihan buah-buah pelajaran parang lading adalah seperti yang berikut:

a. Senaman Parang lading (Rajah 11a)

Senaman Parang lading bertujuan melatih pemilik membiasakan diri dengan senjata miliknya iaitu latihan memegang dan memindahkan parang lading daripada tangan kanan ke tangan kiri dan sebaliknya

b. Latihan Asas Parang Lading

Latihan gerak menangkis serangan dengan menggunakan kaedah A, B, C & D.

c. Tangkisan dan pemakan serangan pada bahagian dada (Rajah 11b)

Pelajaran menangkis serangan di bahagian dada menggunakan senjata pendek dari arah kanan atau kiri:

¹⁶ Perakuan oleh En.Safaran Ahmad, Ketua Persilatan PSSCM pada 16 Ogos 2018 di Kuala Lumpur.

i. Serangan lurus senjata pendek ke arah dada ditangkis dengan menggunakan Buah Siku Potong. Sasaran bilah mata parang lading adalah pada rusuk muda penyerang.

ii. Serangan dari arah sisi kiri ditangkis dengan menggunakan Buah Sendeng Atas. Sasaran hulu parang lading adalah pada dagu dan bilah matanya pada dada penyerang.

iii. Serangan dari arah sisi kanan ditangkis dengan menggunakan Buah Kuntai Kiri. Parang lading perlu dipindahkan daripada tangan kanan ke tangan kiri dan sebaliknya bergantung kepada tangan yang menyerang. Sasaran bilah mata parang lading adalah menghiris lengan penyerang.

d. Tangkisan dan pemakan serangan pada bahagian bawah (Rajah 11c)

Pelajaran menangkis serangan senjata pendek menggunakan tangan kanan atau kiri pada bahagian

bawah pusat:

i. Tangkisan dan pemakan daripada serangan ke arah bahagian bawah menggunakan sama ada buah Kilas Hadapan atau Keputusan Lintau. Bilah mata parang lading memotong sendi lutut atau hulu parang lading mencucuk leher dan bilah mata parang lading membelah perut penyerang.

e. Tangkisan dan pemakan serangan umum berbagai-bagai jenis senjata (pisau, parang, tongkat pendek dan panjang serta senjata lain).

Pelajaran menangkis dan memakan serangan daripada berbagai jenis senjata tidak diperturunkan secara rasmi tetapi akan dilatih sekiranya ada keperluan untuk mengadakan demonstrasi khusus. Lazimnya demonstrasi parang lading hanya dipertontonkan dalam majlis-majlis besar dan diadakan dengan izin khas daripada YM Datuk Guru Utama PSSCM¹⁷.



11a: Sebahagian daripada senaman lading



11b: Salah satu kaedah menangkis & memakan serangan di bahagian atas



11c: Menangkis & memakan serangan di bahagian bawah

Rajah 11: Sebahagian daripada buah dan pemakan parang lading



12a: Pelindung khas untuk melindungi mata bilah yang tajam



12b: Sarung khas untuk menyimpan parang lading

Gambar 12: Contoh cara penyimpanan dan penjagaan keselamatan parang lading

8.0 Adab dalam Penjagaan, Penggunaan Parang Lading dan Hasil Didikannya

Parang Lading sebagai senjata rasmi kurniaan tertinggi daripada Guru Utama PSSCM kepada ahli yang terpilih perlu dijaga dan disimpan dengan beradab. Ia sukar untuk digelongsor masuk dan keluar dalam sarung seperti parang, pisau atau keris, kerana rupa bentuk dan cara pemakaiannya yang berlainan. Pemilik lebih gemar membalut dengan kain dan membiarkannya tanpa bersarung. Senjata ini perlu diletakkan di tempat yang tinggi agar kekal selamat dan terhindar daripada tersalah guna seperti terduduk di atasnya, tersepak atau terpijak¹⁸. Mata parang yang amat tajam pada hujung bilahnya juga amat sensitif dan perlu dilindungi daripada sumbing, sompek atau melukai seseorang secara tidak sengaja. Ia perlu dilindungi dengan pelindung khas yang tidak mudah

tertanggal atau tercabut (Rajah 12a). Salah satu cara untuk menyimpan dan menjaga keselamatan keseluruhan parang lading ini adalah dengan memasukkannya ke dalam sarung khas diperbuat daripada kulit lembu dan bertangkai bagi memudahkannya dibawa ke mana-mana sahaja oleh pemiliknya (Rajah 12b).

Silat Cekak mendidik pengamalannya memiliki sifat berani dan penyabar bukannya garang dan suka mencero boh (Abdul Majid et.al., 2015). Ia diterapkan menerusi metodologi pendidikan silat ini yang mendahulukan pelajaran mempertahankan diri bukan pelajaran menyerang, berdiri betul ketika menunggu serangan, menangkis bukan mengelak serangan, serta bergerak ke hadapan bukan undur ke belakang (Abdul Majid et.al., 2015). Falsafah dan konsep silat ini selari dengan rupa bentuk parang lading yang hanya sesuai digunakan

untuk mempertahankan diri. Ketika digunakan ia tersorok pula di belakang lengan tanpa diketahui oleh penyerang. Keadaan ini menggambarkan bahawa tiada hasrat di hati pemilik untuk berasa besar diri atau angkuh, sebaliknya hanya bersiap sedia bertindak memakan penyerang sekiranya ia diserang. Tindak balas yang dilakukan hanya dengan niat mencederakan (menghiris sendi dan urat) bukan dengan niat membunuh. Hal ini selari dengan akhlak dalam peperangan yang dianjurkan oleh agama Islam, iaitu tentera Islam tidak dibenarkan sewenang-wenangnya membunuh musuh mengikut hawa nafsu. Hanya Allah sahajalah yang berhak mengambil nyawa bukannya hamba seperti kita (Al Maidah: 28). Sasaran memakan lading adalah pada jarak setiap sejengkal daripada mata¹⁹. Ia menghiris sendi dan urat yang juga bertujuan menyekat atau melemahkan anggota utama penyerang seperti kaki dan tangan daripada terus menyerang. Namun begitu, dalam konteks prestasi ilmu silat ini, tiada gerak musuh yang akan terlepas, semua yang terdengar dan terlihat, akan sampailah senjata ini. Begitulah tingginya seni dan maksud sebenar parang lading sebagai pelengkap Silat Cekak apabila ia digunakan dalam pertempuran. Di samping mengekalkan adab sopan ketika bertarung dan berupaya membataskan antara hak sebagai seorang hamba dengan hak Tuannya.

¹⁷ Perakuan oleh YM Datuk Hj. Maideen Kadir Shah, Guru Utama PSSCM pada 26 Ogos 2018.

¹⁸ Pesanan dari Almarhum Tn.Hj.Ishak Itam, Guru Utama kedua PSSCM kepada Ar.Dr.Abdul Majid Ismail semasa menjadi Penasihat PSSCMUSM. Beliau kerap meminjam parang lading milik Tn.Hj.Ishak Itam untuk dipamerkan di dalam Pameran Statik dalam kempen pengambilan ahli baru di USM sekitar tahun 1982 hingga 1987. Pesan beliau "bawa dan simpanlah parang ini baik-baik jangan letak sebarangan, jangan letak bawah tempat duduk (duduk di atasnya) & perlu diletak pada tempat yang tinggi dan pastikan ada jurulatih yang bertanggung jawab mengawasinya sepanjang masa pameran berlangsung." Pada zaman itu hanya terdapat beberapa orang sahaja yang memiliki parang lading di zon utara termasuklah Tn.Hj.Ishak sendiri.

¹⁹ Pernyataan oleh YM Datuk Hj Maideen Kadir Shah (Guru Utama & Presiden PSSCM) pada 26 Ogos 2018.

9.0 Kesimpulan

Berdasarkan hujah dan fakta-fakta sejarah yang telah diringkaskan jelaslah bahawa parang lading ialah senjata asli Melayu khusus terdapat di negeri-negeri utara Semenanjung termasuklah Kedah, Perlis dan juga Sumatera Utara. Namun parang lading sebagai senjata rasmi Silat Cekak Malaysia berbeza perincian ukurannya daripada parang lading untuk kegunaan awam walaupun sama daripada segi rupa bentuknya. Panglima-panglima kanan kerajaan Kedah pernah menggunakan Silat Cekak dan parang lading untuk mempertahankan tanah air daripada serangan musuh. Parang lading merupakan satu-satunya senjata yang sesuai dengan konsep mempertahankan diri silat Cekak. Hal ini jelas terbukti menerusi ukuran dan cara ia digunakan serta cara pemakan silat ini. Parang lading ditempa khas menerusi tukang senjata berdasarkan ukuran khusus diri setiap pemilikinya. Ia merupakan anugerah tertinggi daripada Guru Utama Seni Silat Cekak Malaysia dan perlu dijaga dan disimpan secara beradab agar ia kekal selamat. Parang lading jelas adalah hak milik eksklusif (harta intelek) SSCM berdasarkan bukti-bukti rasmi secara bertulis, pernyataan dalam perlembagaan PSSCM dan rekod paten yang didaftarkan di Great Britain dan di Malaysia pada tahun 1994. Oleh itu penggunaannya oleh persatuan silat lain menyalahi akta paten dan hak cipta. Ia dianggap satu perlakuan “ciplak atau plagiat” yang boleh dikenakan tindakan undang-undang. PSSCM berharap menerusi kerjasama dengan MyIPO, segala isu yang menjadi perbalahan akan tamat dan dapat diatasi secara bijaksana.

Rujukan:

- Abdul Hafiz Ab Majid, Mohd Miqdad Aswad Ahmad, Nurul Izza Abd Aziz, Safiah Ahmad & Abdul Majid Ismail (2016). “*Bab 20 Pembangunan Kerohanian Islam Secara Berterusan Melalui Ilmu Bela Diri Melayu: Analisis dari Perspektif Seni Silat Cekak Malaysia*” dalam Wan Norhaniza Wan Hasan & Nurul Suhada Ismail, *Pembangunan Lestari Islam: Konsep & Aplikasi*, ISDEV, USM. P Pinang. ms. 306.
- Abdul Majid Ismail (2016). “*Keampuhan Senjata Api Melenyapkan Keunggulan Ilmu Bela Diri (Silat): Satu Sanggahan*”, Conference Proceedings 6th International Conference on Local Knowledge 2016 (ICLK), Universiti Sains Malaysia. ms.93-102.
- Abdul Majid Ismail (2016). “*Silat, Ilmu Gaduh yang Tidak Perlu Bergaduh*”, Conference Proceedings 6th International Conference on Local Knowledge 2016 (ICLK), Universiti Sains Malaysia. ms.377-385.
- Abdul Majid Ismail, Abdul Hafiz Abdul Majid & Safiah Ahmad (2015). “*Etika Pertarungan dalam Keunikan Silat Cekak Malaysia*”, dalam Rahimah A Hamid, Kearifan Tempatan: Dari Lisan ke Askara dan Media, Penerbit USM, P Pinang. ms. 90 – 102.
- An-Nur Terjemahan Al-Hidayah, *Al Quran Al-Karim dalam Bahasa Melayu (2013)*. Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Anuar Abd Wahab (1992). *Teknik Dalam Silat Melayu*. Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka. ms. vii-ix.
- Ariffin Haron, Haron Din & Wan Mohd Ludfy Helmy (2016). “*Bab 18 Mendidik Mukmin Sejati untuk Kelestarian Islamik: Pengalaman Seni Silat Cekak Malaysia*”, dalam Wan Norhaniza Wan Hasan & Nurul Suhada Ismail, *Pembangunan Lestari Islam: Konsep & Aplikasi*, ISDEV, USM. P Pinang. ms. 283-284.
- Baharom Hj. Kamari (Datuk Hj.) (2006). “*Peranan Silat dalam Survival Orang-orang Melayu*”. Kertas Kerja Konvensyen Silat Kebangsaan, Glory Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan, 4 & Disember 2006.
- Braddell, Roland St. John & Douglas, F.W & Braddell, Roland St. John, 1880-1966 & Douglas, F. W (1980). *A study of ancient times in the Malay Peninsula and the Straits of Malacca*. Printed for the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society by Art Printing Works, Kuala Lumpur. ms. 35.
- Halimah Hj Ahmad (1978). *Hanafi Hj Ahmad dan Silat Cekak*, Kajian Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. ms. 103 & Lampiran G.
- Hanafi Hj. Ahmad (1973). “*Seni Silat Cekak Malaysia*”. Konvensyen Seni Silat Melayu Pertama, Dewan Kulaiah A, USM, 12 Julai 1973.
- Hashim Musa & Rohaidah Kamaruddin, 2015. *Hang Tuah Catatan Okinawa*, Penerbit UPM, Serdang. ms. 27.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2010). DBP Kuala Lumpur.
- Ku Ahmad Ku Mustapha & Wong Kiew Kit (1978). *Silat Melayu, The Malay Art of Attack and Defence*, Oxford University Press New York. ms. 53-65.
- Mubin Sheppard (Tan Sri Dato Dr. Hj.) (1992). “*The MBRAS Book of Over 1,600 Malay Proverbs with Explanation in English*”, dalam Jurnal of The Malaysian Branch Royal Asiatic Society. Academe Art. Monograph no.22. ms. 80.

- PSSCM (1975). Parang Lading dalam Suara Cekak Bil. 1. Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia. ms. 23-25.
- PSSCM (1987). Perayaan 21 Tahun Cekak, Februari – September 1987, Keluaran Khas. PSSCM.
- PSSCM (1974). Perlembagaan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, dicetak oleh Medan Press, Alor Star. ms. 3.
- PSSCM (.....). Perlembagaan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, dicetak oleh Percetakan Watan Sdn. Bhd. ms. 3.
- PSSCM (1997). Perlembagaan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, dicetak oleh Percetakan Inderapura Sdn.Bhd. ms. 3.
- PSSCM (.....). Perlembagaan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, diterbitkan dan dicetak oleh Jabatan Urusetia PSSCM. ms. 3-4.
- PSSCM (2017). Perlembagaan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, diterbit dan dicetak oleh Jabatan Undang-undang PSSCM. ms. 33.
- PSSCM (1990). *Silat Cekak dalam Suku Abad (1965-1990)*, Terbitan Khas Sempena Jubli Perak Cekak, PSSCM. ms.7, 154, & 188-190,
- PSSCM (2015). *Jubli Emas Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (1965 – 2015)* PSSCM. ms. 5, 6, 7.
- PSSCMUSM (1998). *Panglima*, Terbitan Persatuan Seni Silat Cekak Malayasia USM, sesi 1997/98. ISBN 9793/7/97. ms.10.
- PSSCM (2014). **Status Report as at 23rd May 2014**
- PSSCM (2017). Design View Patent Report of Parang Lading, Great Britian. ms 1-3.
- Sazali Samsudin, Mohd Irhan Ishak, Mohamad Taufiq Aziz & Muhammad Awis Adha Jasri (2015). “*Kajian Parang Lading – Dokumentasi Penemuan Parang Zaman Pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah*”, KossCem 2016.
- Yazid Mat dan Othman Yatim (2012). “*Warisan Senjata dalam Kebudayaan dan Tamadun Melayu: Penggunaan dan Pelestariannya*”, dalam Jurnal Arkeologi Malaysia. ms. 25,37-48.
- Zam Zam Abdul Hamid (Lt.Kol.(B)), Majid Mat Isa & Awang Daud (1990). *Tempur Tanpa Senjata, Seni Silat Pusaka Gayung Malaysia*. Creative Concept Publications. ms 8.
- Temubual dengan En. Sazali Samsudin, Johor, 23 Julai 2018
- Temubual dengan En. Abdul Malik, Melaka, 24 Julai 2018.
- Temubual dengan Tn.Hj. Ghazali Abdul Rahman, Kedah, 2 Ogos 2018.
- Temubual dengan En.Zafri Mohd Miar, P Pinang, 3 Ogos 2018.
- Temubual dengan En. Safaran Hj.Ahmad, K Lumpur (menerusi WhatsApp & Email, 16 Ogos 2018.
- Temubual dengan YM Datuk Hj.Maideen Kadir Shah, Kuala Lumpur, 26 Ogos 2018
- <https://www.silatcekak.org.my/index.php/senjata-rasmi> (tarikh lawatan 15 Julai 2018)
- <https://www.myipo.gov.my/kenali-myipo/> (tarikh lawatan 15 Julai 2018)
- <http://sejarahrealitisilatcekak.blogspot.com/2011/11/biodata-guru-utama-silat-cekak-zaman.html> (tarikh lawatan 3 Ogos 2018)
- <http://illusionistdesign.my/scph/profil/biodata-guru-utama/> (tarikh lawatan 3 Ogos 2018)
- http://www.memorikedah.com/page_pengenalan.php?pageNum_Recordset1=21&totalRows_Recordset1=31&p=2&idstopic=9&idskandungan=67&mtopic=1